

Analisis perlawananan pelajar sains sukan UMS bantu bola tampar Sabah

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY

joanes@newsabahtimes.com.my NST 3-5-2014 21

KOTA KINABALU: Program Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) Universiti Malaysia Sabah telah membuat analisis perlawananan bola tampar sempena Kejohanan Bola Tampar Terbuka Gaggil VC Tawau 2014 baharu-baharu ini.

Analisis perlawananan bola tampar ini melibatkan 15 orang pelajar Sains Sukan. Analisis ini berlangsung sepanjang perlawanan tersebut iaitu selama tiga hari. Perisian yang digunakan semasa melakukan analisis perlawananan bola tampar ini adalah easy tag.

Perisian easy tag ini merupakan analisis kualitatif. Biasanya analisis kualitatif digunakan dalam kalangan jurulatih, guru, dan fisioterapi serta penganalisa prestasi.

Analisis easy tag ini untuk membezakan prestasi terhadap atlet individu dan pasukan.

Kelebihan analisis kualitatif easy tag ini adalah mudah diperolehi dalam kalangan pelajar sains sukan. Kamera digital juga digunakan dalam analisis ini.

Menurut Dr Mohamad Nizam Nazarudin seorang penyarah sains sukan UMS bahawa penganalisan easy tag ini lebih sistematik iaitu dimana corak pergerakan seseorang pemain lebih mudah difahami.

Secara amnya, analisis ini mampu memantapkan lagi prestasi sukan di negeri Sabah. Hal ini disebabkan para jurulatih mampu mengenalpasti kelebihan dan kelemahan melalui analisis pergerakan.

Kelemahan yang ditunjukkan oleh para pemain semasa perlawanan akan memberi inisiatif kepada jurulatih untuk mengubah strategi yang baru.

Selain itu, analisis perlawananan ini juga membantu jurulatih untuk melihat kelemahan pihak lawan seterusnya mampu mengatur strategi untuk mengatasi pihak lawan.

Analisis ini bukan sahaja menumpukan prestasi seseorang atlet sebaliknya analisis ini juga dapat melihat prestasi berpasukan dimana dalam satu perlawanan, jurulatih boleh menilai pemain yang berprestasi dan kurang berprestasi.

Justeru itu, pemain yang kurang berpotensi harus diberi latihan intensif agar tahap prestasi pemain tersebut mampu setaraf dengan tahap prestasi pemain yang berkebolehan.

Tujuan analisis perlawananan bola tampar ini untuk mengetahui prestasi pemain secara individu dan kumpulan.

Melalui analisis ini, pelajar sains sukan dapat menimba pengalaman serta pendedahan awal tentang caramenganalisis perlawananan menggunakan perisian teknologi yang lebih canggih.

Menurut Hassan Hj. Tarasan selaku pengerusi kelab Gaggil VC Tawau, analisis ini merupakan analisis pertama yang dilakukan. Analisis seperti ini dapat membantu para jurulatih untuk melihat potensi pemain-pemainnya.

Tambahnya lagi, analisis seperti ini kurang dilakukan



AKSI perlawanan antara pasukan UMS UTD, Kota Kinabalu dengan pasukan MYteam Lahad Datu.



PELAJAR sains sukan sedang menganalisa perlawanan.

setiap kali pertandingan dianjurkan di Tawau. Menurutnyalah, analisis ini juga dapat mencungkil bakat pemain muda yang berpotensi dalam permainan bola tampar.

Melalui analisis perlawananan bola tampar, beliau berharap data analisis tersebut dapat dikongsikan bersama dengan mana-mana organisasi sukan.

Beliau juga berbangga dengan kesungguhan pelajar Sains Sukan yang terlibat dalam analisis perlawananan dan berharap analisis seperti ini dapat diteruskan pada masa akan



DUA orang pelajar menemuramah Hassan (tengah) selaku pengerusi kelab Gaggil VC.

datang.

Kejohanan bola tampar terbuka Gaggil VC Tawau 2014 ini telah disertai oleh 14 pasukan bagi kategori lelaki dan 13 pasukan bagi kategori wanita dari seluruh Malaysia.

Kategori lelaki diwakili oleh pasukan Gaggil VC Tawau, One M VC Tawau, Gaggil VC Semporna, Belia VC Lahad Datu, Keris VC Sandakan, Garuda VC Sandakan, Kementerian Kesihatan Malaysia Sabah (KKM), Jabatan Penjara Tawau, PGA Batalion 17 Lahad Datu, Angkatan Tentera Malaysia A, Angkatan Tentera Malaysia B, SJK Tung Hua Sibul Sarawak, Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) Johor, dan Brunei Amature Volleyball Association (BAVA).

Manakala pasukan wanita diwakili oleh Gaggil VC Tawau, Taman-taman Sabah THP VC Tawau, Antique Team Lahad Datu, Myteam Lahad Datu, Angkatan Tentera Malaysia, Ringgis Papar, Thung Tsin Kota Kinabalu, UMS UTD Kota Kinabalu, UITM Kampus Sabah Kota Kinabalu, UMS-KAL Labuan, SJK Tung Hua Sibul Sarawak, Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKTU), dan Brunei Amature Volleyball Association (BAVA).